

23 JAN 2001

Mahathir-Hubungan

TERUSKAN PERHUBUNGAN KAUM YANG BAIK BAGI JAMIN KESTABILAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat negara ini terus berikrar mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara kaum agar kehidupan di negara ini kekal aman dan sempurna.

Katanya lebih banyak keuntungan akan diperolehi daripada kestabilan negara berbanding dengan hak yang lebih dalam negara yang tidak aman yang diancam dengan rusuhan.

"Kita harus sedar bahawa di Malaysia yang berbilang kaum ini, tidak akan ada satu pun kaum yang boleh berpuashati dengan apa yang diperolehinya dan tidak akan ada satu kaum pun yang akan mendapat kesemua yang dituntutnya," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurut beliau hakikat itu mestilah diterima oleh semua kaum.

Beliau berharap sempena perayaan Tahun Baru Cina ini amalan mengunjungi rumah-rumah terbuka akan diteruskan supaya kemesraan antara kaum dapat dijalinakan.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia bertuah kerana setiap tahun dapat merayakan apa sahaja perayaan yang melibatkan mana-mana kaum dalam keadaan aman dan harmoni.

Tidak seperti di negara lain, katanya, rakyat Malaysia yang berbilang kaum bebas mengamalkan adat, budaya, bahasa dan agama tanpa apa-apa halangan.

"Sesetengah daripada kita mungkin daripada kaum minoriti tetapi hak dan kebebasan kita sebagai rakyat Malaysia untuk mengekalkan indentiti kita yang tersendiri tetap terjamin," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kaum Bumiputera diberi layanan yang istimewa sedikit, tetapi itu tidak menjejaskan hak dan peluang-peluang kaum lain.

Sebaliknya, kata beliau, usaha mengimbangkan kedudukan kaum telah menjamin bahawa rusuhan antara kaum tidak berlaku walaupun semasa kegawatan ekonomi.

Kepada semua rakyat Malaysia khususnya kaum Cina, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengucapkan Gong Xi Fa Chai.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dalam perutusannya, turut menegaskan bahawa keharmonian kaum adalah penting bagi menjamin kestabilan politik dan keamanan masyarakat sepanjang masa.

"Semua pihak janganlah membangkitkan isu-isu yang sensitif yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum kerana tindakan itu tidak akan membawa apa-apa faedah kepada rakyat dan negara," katanya Dr Ling yang juga Presiden MCA.

Beliau berharap rakyat meneruskan budaya kunjung mengunjungi untuk menjalinakan persahabatan dan semangat muhibah.

"Mengikut tradisi kaum Cina, tahun ini adalah tahun Ular Emas dan mudah-mudahan membawa perubahan baik dan kemajuan kepada negara serta rakyat dalam semua bidang," katanya.

Beliau juga meminta rakyat terus berusaha kuat bagi memastikan keadaan ekonomi negara terus kukuh dan maju.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Senator Datuk M. Kayveas turut mengucapkan selamat Tahun Baru Cina dan berharap rakyat terus berusaha membentuk masyarakat yang bersatu padu dan mengamalkan sikap toleransi.

"Dengan mempraktikkan semangat ini, saya percaya segala cabaran dan

dugaan dapat diatasi," katanya dalam satu kenyataan.

Seorang daripada anggota Panel Penasihat Pepaduan Negara Datuk Lee Lam Thye mengingatkan rakyat Malaysia bahawa keharmonian dan perpaduan kaum hendaklah sentiasa dihargai.

"Kita patut memastikan bahawa perpaduan negara yang dibina dan dipupuk dengan begitu teliti sejak bertahun lamanya tidak diancam oleh mana-mana pihak," katanya.

"Pergaulan pelbagai kaum semasa musim perayaan membatu mengukuhkan lagi semangat muhibah, perpaduan dan keharmonian kaum dan perkara inilah yang menyatukan negara dan di sinilah asas kekuatan negara kita," katanya.

-- BERNAMA

NZ AZZ RON